

# 02

## KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KETIGA DALAM KALANGAN PELAJAR RINTIS UITM

*Nurlyana Fatimah binti Sulaiman*

### APB SEREMBAN

Setiap warga pendidik mempunyai kaedah dan kreativiti tersendiri dalam menyampaikan ilmu. Kaedah pengajaran tersebut sudah tentu berbeza di antara seorang pendidik dengan yang lain. Hal ini kerana, sudah tentu seorang pendidik itu dapat mengenal pasti tahap pembelajaran pelajar-pelajarnya dan kaedah pengajaran yang dipilihnya haruslah sejajar dengan tahap pembelajaran dan penerimaan pelajar-pelajar tersebut. Berbalik kepada tajuk di atas, definisi pelajar rintis membawa maksud golongan pelajar yang tidak mempunyai asas dalam pembelajaran Bahasa Arab samada di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Adapun begitu, kaedah ini masih relevan untuk digunakan terhadap golongan pelajar yang mempunyai asas Bahasa Arab pada tahap permulaan dan pertengahan.

Memetik sabda Nabi Muhammad SAW, “Apabila seorang anak Adam meninggal, semua amalannya terputus kecuali tiga hal; sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, serta anak saleh yang selalu mendoakannya (HR Muslim).” Hadis ini menjadi isyarat bahawa ilmu yang bermanfaat juga menjadi asbab bagi seseorang untuk menerima pahala yang berterusan meskipun mereka telah meninggal dunia. Justeru itu, hadis nabi ini boleh dijadikan sebagai pedoman seterusnya diterapkan dalam kehidupan untuk terus menyampaikan ilmu sebaik mungkin agar ianya dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar sekaligus menjadi satu ladang pahala kelak. Antara kaedah pengajaran yang dapat digunakan bagi membantu pelajar-pelajar rintis ini untuk menguasai Bahasa Arab adalah:

#### **i) ‘10 minutes with Iqra’**

Kaedah ini boleh digunakan melalui cara memulakan kelas dengan membuat ulang kaji huruf-huruf Bahasa Arab dengan menggunakan iqra’. Hal ini kerana, sebilangan besar golongan pelajar rintis ini masih keliru dengan huruf-huruf Bahasa Arab yang mempunyai bentuk seakan sama namun berbeza hanya pada titik seperti huruf ba’ (ب), ta’ (ت) dan sebagainya. Terdapat juga huruf-huruf yang bentuknya jauh berbeza, akan tetapi bunyi seakan sama misalnya huruf ha (ح) = ha (ه), tsa (ث) = sa (س). Malahan, terdapat juga pelajar-pelajar yang langsung tidak mengenal huruf-huruf Bahasa Arab sekaligus memberi kesukaran kepada golongan ini untuk membaca teks Bahasa Arab di dalam buku. Justeru itu, penggunaan 10 minit pertama sebelum kelas berlangsung bolehlah dimanfaatkan dengan kaedah ini.

**ii) Penggunaa 'lughatul fasl' yang mudah**

'Lughatul Fasl' di sini membawa maksud bahasa yang digunakan di dalam kelas. Tenaga pengajar seharusnya membiasakan diri dengan menggunakan Bahasa Arab yang mudah di dalam kelas. Sebagai contoh, memulakan kelas dengan ucapan 'sobaahul khair', 'kaifa haalukum', apabila ingin menyebut ucapan tahniah boleh ditukar kepada 'baarakallahu fiik', apabila ingin memberi arahan seperti sila duduk dengan menggunakan 'ijlis', sila bangun 'qum' dan sebagainya. Penguasaan sesuatu bahasa itu menjadi mudah sekiranya seseorang itu sering menggunakannya dalam pertuturan dan pendengaran sepertimana Bahasa Malaysia yang telah dikuasai sejak kecil.

**iii) Penghafalan 'dhomir' atau 'mufradat' menggunakan lagu**

'Dhomir' ialah kata ganti diri Bahasa Arab yang mempunyai 14 pecahan. Kebiasaanya pelajar-pelajar akan terkeliru dengan penggunaan 'dhomir' kerana setiap 'dhomir' mempunyai fungsi gender, bilangan dan pelaku. Manakala 'mufradat' pula ialah perkataan-perkataan Bahasa Arab yang sudah tentunya tidak diketahui maksudnya bagi golongan pelajar rintis ini. Justeru itu, penggunaan kaedah hafalan dengan bantuan lagu atau seumpamanya mampu memberikan kesan positif serta memudahkan pelajar dalam mengingati maksud perkataan serta turutan 'dhomir' dengan betul.

**iv) Penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran Bahasa Arab**

Kemudahan teknologi dan infrastruktur yang disediakan di bilik kuliah UiTM membantu para pendidik dalam mempelbagaikan gaya dan kaedah pengajaran mereka. Penggunaan aplikasi terkini seperti 'kahoot' dan 'Youtube' membantu proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk menjadi lebih mudah dan juga menarik minat pelajar-pelajar. Selain itu, memaparkan video Bahasa Arab berdurasi pendek seperti kartun Upin Ipin yang telah dialih suara kepada Bahasa Arab berserta sari kata bagi membiasakan pelajar dengan dialog Bahasa Arab juga membantu meningkatkan kemahiran bertutur, mendengar serta membuat ayat para pelajar. Kaedah ini boleh diaplikasikan secara berkala bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan ceria.